

27 JUN 1998

Mahathir-Bosnia

BOSNIA FAHAM MASALAH MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pemimpin Bosnia-Herzegovina tidak membuat sebarang permohonan bantuan daripada Malaysia ketika ini kerana kerajaan negara itu memahami keadaan kegawatan ekonomi yang dihadapi Malaysia.

Perdana Menteri berkata beliau telah menerangkan kepada Perdana Menteri bersama Bosnia-Herzegovina, Haris Siladjic sebab-sebab Malaysia terpaksa memanggil balik tentera negara ini yang berkhidmat di negara Balkan itu.

"Dia tidak meminta apa-apa bantuan kerana dia sendiri tahu masalah yang dihadapi oleh Malaysia," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi oleh Siladjic di Sri Perdana di sini.

Ditanya tujuan kunjungan Siladjic itu, Dr Mahathir berkata pemimpin Bosnia-Herzegovina itu mengunjungi beliau kerana mereka sudah lama tidak bertemu dan kebetulan Siladjic singgah di sini dalam perjalanan pulang dari Jepun.

Perdana Menteri berkata Siladjic dijadual berjumpa beliau Isnin ini tetapi pertemuan itu dipercepatkan kerana Siladjic harus pulang awal.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin itu telah berbincang pelbagai isu terutamanya masalah di Bosnia-Herzegovina dan Kosovo.

Dr Mahathir berkata Siladjic turut memberi pendapat terhadap masalah itu di samping menerangkan kelambatan usaha pemulihan di Bosnia-Herzegovina kerana belum banyak orang menanam modal di sana menyebabkan peluang pekerjaan masih tidak banyak.

"Selamat (untuk) melabur di sana ketika ini tetapi pemulihan di Bosnia agak perlahan," kata Dr Mahathir apabila ditanya adakah selamat untuk menanam modal di sana.

Sebaliknya, kata beliau, ramai pelarian sudah kembali ke Bosnia dan dengan itu, peluang pekerjaan perlu disediakan.

Ada juga pelarian Bosnia yang tidak dapat pulang ke tempat asal kerana berada dalam kawasan yang dikuasai puak Serb dan ini menjadi masalah, katanya.

-- BERNAMA

ARA MAI